

Metodologi Pengajian Hadis Dalam Al-Mu'jam Al-Kabir Al-Tabarani: Satu Kajian Awal

Muhamad Fadlly bin Ismail

Abstrak

Pendahuluan: Menyingkap khazanah sunnah Rasulullah s.a.w. sama ada yang disabdakan, diamalkan dan dipersetujui ibarat membina binaan yang kukuh sebagai tempat perlindungan bagi umat Islam sejagat. Justeru para ulama hadis berusaha mencari metode untuk menyingkap sekali gus memelihara khazanah suci ini. Antaranya ialah Imam Abu Qasim Sulaiman al-Tabarani. Kajian ini dijalankan untuk menganalisis personaliti dan sumbangan Imam Abu Qasim Sulaiman al-Tabarani dalam bidang hadis melalui metodologi penulisan tokoh tersebut di dalam kitab al-Mu'jam al-Kabir al-Tabarani. Kajian ini juga bertujuan untuk memperkenalkan biografi Imam Abu Qasim Sulaiman al-Tabarani bagi menyingkap sejarah kemunculan dan perkembangan ilmu hadis. Metode kajian ini adalah analisis dokumen dengan merujuk kepada kitab Mu'jam al-Kabir al-Tabarani dan kitab-kitab hadis untuk mendapatkan sumber yang tepat dan sahih. Kemudian menyusulnya dengan memberikan contoh-contoh ringkas untuk mengukuhkan pengertian berkenaan. Kajian mendapati bahawa metode yang digunakan oleh Imam Abu Qasim Sulaiman al-Tabarani dalam kitab Mu'jam al-Kabir al-Tabarani merupakan satu usaha yang gigih membuktikan bahawa beliau menguasai secara mendalam tentang nama-nama sahabat berkenaan ilmu hadis. Penyusunan kitab al-Mu'jam al-Kabir al-Tabarani yang amat teliti dan kemas serta penggunaan bahasa yang mudah difahami. Dengan memperkenalkan salah satu karangan Imam Abu Qasim Sulaiman al-Tabarani ini, sebagai sebahagian daripada ilmu pengajian hadis terbukti kepentingannya dengan kemunculan ramai daripada ulama terdahulu yang menghasilkan kitab-kitab atau hasil-hasil karya di dalam bidang tersebut bertujuan memelihara kemurnian sunnah Rasulullah s.a.w. sepanjang zaman.

Kata Kunci: khazanah, al-Mu'jam al-Kabir al-Tabarani, Covid-19, pengajian hadis

Pengenalan

Hadis merupakan sumber kedua terpenting di dalam perundangan Islam selepas al-Quran. Memahami kandungan hadis yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. adalah dituntut di dalam Islam kerana ia membantu masyarakat Islam melaksanakan tuntutan syariat di dalam kehidupan dengan lebih sempurna. Kedudukan hadis tidak pernah terjejas walaupun ada usaha untuk menyeleweng oleh segelintir mereka yang mengaku Muslim. Maka untuk mempertahankan dan menjaga kemurniannya, maka ramai dalam kalangan ulama' yang tampil untuk menulis tentangnya.

Lalu lahirlah karya-karya yang membincangkan ilmu-ilmu hadis dalam berbagai aspeknya yang luas itu. Dari sinilah timbulnya nama-nama kitab hadis seperti *al-Mu'jam*, *al-Musnad*, *al-Musannaf*, *al-Sahih*, *al-Sunan* dan sebagainya.

Setiap cabang-cabang ilmu hadis ini ada mempunyai tujuannya tersendiri, seperti *al-Sahih*, tujuannya adalah untuk mengumpul hadis-hadis yang *Sahih* sahaja. Begitu juga halnya kitab *al-*

Mu'jam ada di sana tujuannya yang tersendiri iaitu untuk mengumpul nama-nama para sahabat yang meriwayatkan hadis-hadis yang berkaitan mengikut bab-bab tertentu.

Sahabat Rasulullah s.a.w. merupakan generasi yang paling mulia kerana mereka menerima pendidikan secara langsung daripada Rasulullah s.a.w. di samping terdidik dalam suasana wahyu. Melalui mereka sunnah Rasulullah s.a.w. terpelihara dan dapat sampai kepada generasi kemudian. Allah s.w.t. telah memilih satu generasi yang paling mulia untuk mendampingi dan menemani Rasul-Nya. Demi memastikan Islam tetap tersebar ke seluruh alam, mereka sanggup mengorbankan jiwa dan harta mereka.

Dalam menentukan siapakah sahabah, para ulama telah memberi beberapa definisi. Imam al-Bukhari menyatakan: *Sesiapa dari kalangan orang-orang Islam yang mendampingi Rasulullah s.a.w. atau melihat baginda maka dia adalah sahabat.* (Sahih al-Bukhari hal 697) Hafiz Ibn Hajar mendefinisikan sahabat sebagai sesiapa yang menemui Rasulullah s.a.w. dalam keadaan beriman dengan baginda dan meninggalkan dunia sebagai Islam. Berdasarkan kepada definisi ini, walaupun seseorang yang bertemu Rasulullah dalam keadaan masih kafir kemudian memeluk Islam tetapi tidak sempat bertemu baginda, tidak dikira seorang sahabat.

Baligh tidak menjadi syarat kemestian dalam menentukan seseorang sahabat atau tidak. Sekiranya syarat *baligh* dikenakan pasti sebilangan besar sahabat tidak boleh dianggap sahabat kerana mereka hanya *baligh* setelah kewafatan baginda. Antara mereka ialah Abdullah bin al-Zubair, al-Hasan dan al-Husain.

Menurut Ibn Kathir, beberapa imam seperti al-Bukhari, Abu Zur`ah, Ibn Abd al-Barr, Ibn Mandah, Ibn al-Athir dan Abu Musa al-Madini menegaskan semata-mata bertemu Rasulullah s.a.w. sudah memadai dalam menentukan seseorang itu sebagai sahabat.

Jadi, kertas kerja ini ialah mengenai kitab *al-Mu'jam al-Kabir* oleh al-Hafiz al-Tabarani. Ia adalah kerja yang ditugaskan kepada penulis untuk dibentang dan diserahkan kepada pensyarah Jabatan Al-Quran dan al-Hadis iaitu Fadilah al-Ustaz al-Dr. Fauzi bin Deraman dalam subjek "*Karya Utama Pengajian Hadis*".

Kitab Al-Mu'jam Al-Kabir Al-Tabarani

1. Nama penuh : Al-Hafiz al-Imam Abu Qasim Sulaiman bin Ahmad bin Ayyub bin Mutair al-Laqmi (satu kabilah yang terletak antara Yaman dan Sham) al-Shamiy al-Tabarani.

2. Kelahiran : Beliau dilahirkan pada Bulan Safar tahun 260 H sebuah negeri A'kah di Palestin. Beliau mula mempelajari ilmu hadis ketika berusia 13 tahun bersamaan 273 H di sebuah daerah Tabariah.

3. Keilmuan : Seperti tradisi sebelumnya, anak-anak di zaman tersebut memulakan pendidikannya dengan pengajian al-Quran dan menghafaznya. Imam al-Tabarani menghafaz al-Quran di negeri kelahirannya. Beliau mendapat didikan langsung dari ayahnya, iaitu seorang ulama terkenal kerana ayahnya melihat kebolehan dan bakat si anak. Dengan itu juga, beliau ikut berguru dengan ulama-

ulama setempat. Menguasai bidang fiqh, hadis dan usuluddin. Berkata al-Zahabi “*Sesungguhnya al-Tabarani telah menghafaz sebanyak 300 ribu hadis*”.

4. Pengembaraannya : Menjadi tradisi ulama silam, termasuk Imam al-Tabarani merantau bagi menimba ilmu dari ilmuan terkenal di serata pelusuk dunia Islam ketika itu. Beliau tidak berpada dengan ulama-ulama setempat sahaja. Faktor ini mendorong beliau merantau ke pelbagai tempat dan ceruk rantau untuk mendengar hadis Rasulullah s.a.w. Dengan dorongan ayahnya, beliau telah menjadikan destinasi yang pertama Imam al-Tabarani ialah ke Baitil Muqaddis. Beliau juga merantau ke Syria , Mekah, Yaman, Mesir, Iraq, Jazirah dan Asfahan.

Ringkasnya, dari rehlah ilmiah yang berulang kali ini, Imam al-Tabarani telah berguru dengan ramai ulama terbilang dalam berbagai bidang ilmu seperti ilmu Hadis, Tafsir, Fiqh, Sejarah dan Bahasa.

5. Kewafatannya : Imam al-Tabarani memenuhi tempoh hayatnya dengan berkhidmat kepada ilmu dan berkhidmat kepada masyarakat. Dikenali dengan sifat taqwa dan waraknya, menjadi sebutan akan ibadat dan ilmunya. Mencapai status imam dalam ilmu. Walaupun ketokohnya dalam hadis begitu menonjol dan terserlah, namun kepakarannya dalam hadis tiada tandingannya. Setelah menyumbang jasa yang tiada tolok bandingnya, beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir di Asfahan pada Bulan Zulkaedah tahun 360 H yang mana beliau hidup selama 100 tahun 10 bulan.

6. Guru-gurunya : Al-Imam al-Tabarani dikenali sebagai seorang imam yang muktabar dalam hadis. Di atas keistimewaan tersebut, maka sudah tentu beliau banyak menimba ilmu dan pengalaman daripada ramai ulama yang hidup sezaman dengannya. Di antara guru- guru beliau yang terkenal iaitu lebih daripada 100 orang guru. Antaranya :

- Hasim bin Mursyad al-Tabarani
- Abu Zar’ah al-Thaqafi
- Ishaq al-Dabari
- Idris al-Attar
- Bisyr bin Musa
- Hafs bin Umar
- Ali bin Abdul Aziz al-Bahgrawi
- Muqadam bin Daud al-Ru’aini
- Yahya bin Ayub al-‘Alaf
- Abu Abd Rahman al-Nasa’e
- Abdul Alah bi Muhamad bin Said bin Abi Maryam dan lain- lain.

7. Muridnya :

- Abu Bakar bin Marduwyah
- Abu Umar Muhamad bin al-Husain al-Bastaamiy

- Al-Husain bin Ahmad al-Marzaban
- Abu Bakar bin Abi Ali al-Zakwaaniy
- Abu al-Fadhl Muhamad bin Ahmad Al-Jaarudiy
- Abu Nu'aim al-Asbahani al-Hafiz
- Abu Husain bin Faadisah
- Abdul Rahman bin Ahmad al-Safar dan lain-lain.

8. Karyanya : Kesibukan beliau dengan tugas pengajaran tidak menghalangnya menghasilkan karya dalam pelbagai bidang sesuai dengan penguasaannya terhadap ilmu- ilmu tersebut. Beliau adalah seorang tokoh yang terbilang dalam ilmu hadis. Beliau telah meninggalkan khazanah ilmu yang menjadi bukti ketokohan beliau dan khidmatnya yang cemerlang untuk agama dan ummahnya. Ini terbukti dengan meneliti karya-karya beliau. Para pengkaji dan ulama yang menyelidik biodata dan sumbangan Imam al-Tabarani telah menyenaraikan karya- karya beliau hampir mencecah 100 karya. Antaranya yang masyhur ialah :

- *Mu'jam al-Kabir*
- *Mu'jam al-Awsat*
- *Mu'jam al-Saghir*
- *Musnad al-'Asarah*
- *Musnad al-Samiyin*
- *Ma'rifah al-Sahabah*
- *Musnad Abi Hurairah*
- *Al-Tafsir*
- *Dalail al-Nubuawah*
- *Al-Fadail al-Arba'ah Al- Raasyidin*
- *Aqbar Umar bin Abdul Aziz*

9. Peribadi al-Imam al-Tabarani :

Al-Imam al-Tabarani sama juga sepertimana ulama besar dan masyhur lainnya iaitu memiliki ingatan, penelitian dan dhabt yang luar biasa. Memadai apa yang ada. Bersifat dengan zuhud, wara', shiqah dan amanah. Berkata al-Zahabi di dalam Kitab *al-Hujjah* “*Beliau mempunyai sifat benar dan amanah dalam mencari dan menyampaikan ilmu*”. Lebih-lebih lagi apabila beliau telah menumpukan sepenuh hidupnya dalam usaha mendalami ilmu pengetahuan, menjalankan kajian dan penyelidikan sehingga dengan itu beliau menjadi lebih terkenal daripada ilmunya, dan kehebatannya tersebar luas baik pada zamannya mahupun zaman selepasnya.

Memang, Allah s.w.t. telah memberkati segala hasil usaha dan hasil karyanya. Hasil karya beliau telah menjadi bahan rujukan para penyelidik dan bahan kajian kepada para pengkaji terhadap nama-nama para sahabat yang meriwayatkan hadis.

10. Situasi politik di zaman al-Tabarani.

Beliau hidup semasa suasana politik ketika itu sedang bergolak menyebabkan pemerintahan semasa itu menjadi lemah. Ketika itu Baghdad adalah pusat pemerintahan Islam. Atas kelemahan inilah yang menyebabkan terjadinya pecahan-pecahan daerah-daerah kecil.

Dari sudut perpecahan mazhab pula ketika itu berlaku pertembungan antara mazhab-mazhab dan firqah-firqah. Berlakunya peperangan antara Sunni dan Syi`ah dan antara Sunni dan Mu`tazilah. Malahan antara juga ahli Sunnah sesama sendiri.

Dalam suasana berginilah al-Imam al-Tabarani hidup berjuang untuk mempertahankan Sunnah Nabi. Beliau mengarang dalam ilmu Hadis, Fekah, Usuluddin.

11. Pengenalan Kitab Mu`jam al-Kabir :

Kitab ini adalah karya al-Imam al-Tabarani yang terpenting sekali. Ia terdiri daripada 23 jilid. Cetakan pertamanya di Darul Ihya' al-Turath al-Arabi : Matba`ah, Beirut, Lubnan. Kemudian kitab ini ditahqiq oleh Hamdiy 'Abd. Majid al-Salafi.

Di dalam kitab ini al-Imam al-Tabarani telah mengumpul *al-Mu`jam* ini disusun mengikut tertib huruf ejaan, atau mengikut susunan nama-nama guru mereka. Nama guru-guru mereka pula disusun mengikut ejaan nama atau kelebihan mereka. Kitab Mu`jam ini juga hanya mengumpulkan hadis-hadis Nabi Muhammad s.a.w. tanpa melihat taraf hadis-hadisnya. Contoh kitab-kitab Mu`jam selain kitab ini ialah *Mu`jam al-Sayuti*, *Mu`jam Abi Bakr*, *Mu`jam Ibn Mubarak* dan *Mu`jam al-Saghrir*.

Kitab rijal yang mengumpulkan orang-orang yang tersebut dalam meriwayatkan hadis-hadis Nabi Muhammad s.a.w. mengikut ejaan bersama dengan kuniyyahnya. Ini semua adalah untuk memastikan kesahihan sesebuah hadis. Ia boleh dianggap ensklopedia hadis terhadap nama-nama sahabat yang mana susunannya mengikut aturan yang tersusun rapi.

12. Sumber Rujukan al-Imam al-Tabarani

Menurut Hamdiy 'Abd. Majid al-Salafi di dalam sebuah kajiannya terhadap *al-Mu`jam al-Kabir*” berkata, sumber yang digunakan oleh al-Imam al-Tabarani dalam menghasilkan kitabnya *al-Mu`jam al-Kabir* secara ringkasnya boleh dibahagikan kepada dua. Pertama: Bahan yang tidak bertulis atau yang didapati dengan cara lisan, iaitu yang diambil dari mulut guru-gurunya. Kedua: Bahan yang bertulis. Iaitu kita-kitab karangan ulama' lain yang dipelajari dari guru-gurunya.

Menurut beliau lagi, oleh kerana sanad-sanad di dalam kitab ini terlalu banyak jumlahnya hingga mencecah 30 ribu atau lebih, sesungguhnya telah di naqalkan daripada al-Zahabi dalam kitab *al-Tazkirah* daripada al-Hafiz Abi al-Abbas Ahmad bin Mansur al-Syairazy maka berkata “*Sesungguhnya Imam al-Tabarani telah menulis sebanyak 30 hadis*”, maka untuk mengira dan memastikan jumlah rujukan yang sebenar adalah sukar, lalu beliau memilih lima peratus daripada isi kandungan kitab sebagai ukuran kasar. Hasilnya beliau mengatakan ada 167 buah karya yang

telah pasti menjadi rujukan kepada kitab ini, tetapi sudah tentu ini adalah sebahagian kecil daripada jumlah yang sebenar.

13. Ulasan Ulama terhadap Kitab Mu'jam al-Kabir.

Berkata al-Subki (771 H):

“Belum ada karya hadis seumpamanya dari sudut penyusunannya, aturannya dan kualitasnya”.

Manakala al-Dhahabi menyatakan:

“Tiada pada orang lain seumpamanya muhaqqiq al-Mu'jam al-Kabir”.

Seterusnya Hamdiy Abd. Majid al-Salafi:

“Ia adalah karya al-Tabarani yang terpenting sekali”.

14. Isi Kandungan :

Tajuk-tajuk besar dalam karya ini dinamakan kitab. Kemudian pecahan kitab dinamakan bab.

1. Terdapat setiap juzu' mengandungi fehras antaranya :

- i. Fehras ayat-ayat al-Quran
- ii. Fehras al-Hadis
- iii. Fehras setiap tajuk
- iv. Fehras terjemahan bagi setiap huruf hijaiyyah.

2. Disusun mengikut tertib huruf ejaan, atau mengikut susunan nama-nama guru mereka.

3. Nama guru-guru mereka pula disusun mengikut ejaan nama atau kelebihan mereka.

4. Jilid Pertama di dahului dengan nama dan riwayat hidup Khulafa' al-Rasyiddin dan sahabat-sahabat yang masyhur dan dijamin masuk syurga.

5. Jilid Kedua sehingga jilid dua puluh tiga ditambah dengan hadis dan athsar. Nama-nama sahabat yang bermula dengan huruf Hijaiyyah (Alif hingga Ya')

6. Terdapat 25 ribu hadis daripada sahabat yang dimuatkan dalam kitab ini.

7. Memuatkan rijal yang sahih.

15. Metodologi al-Imam al-Tabarani :

- Susunan kitab ini mengikut susunan nama-nama sahabat berpandukan huruf hijaiyyah pada setiap juzu’.
- Disusun mengikut tertib huruf ejaan, atau mengikut susunan nama-nama guru mereka.
- Nama guru-guru mereka pula disusun mengikut ejaan nama atau kelebihan mereka.
- Kitab rijal yang mengumpulkan orang-orang tersebut dalam meriwayatkan hadis-hadis Nabi Muhammad s.a.w. mengikut ejaan bersama dengan kuniyyahnya.
- Memulakan bab dengan menyebut ayat al-Quran yang berkaitan dengannya.
- Al-Tabarani menamakan tajuk yang besar sebagai kitab dan membahagikannya kepada bab-bab tertentu.
- Memberi tajuk dengan jelas pada setiap bab.
- Menulis nama-nama rijal hadis yang ramai.
- Adakalanya beliau menyebut tentang kedudukan sesuatu hadis seperti katanya “hadis ini isnadnya sahih”.
- Adakalanya beliau menyebut bahawa hadis adalah dalil bagi ashab kami.

16. Penilaian Kitab:

- Merupakan salah satu kitab turath peninggalan ulama’ yang sangat berharga.
- Daripadanya kita dapat mengetahui nama-nama para sahabat secara khusus.
- Susunannya, bahasa dan persembahannya senang dan menarik.
- Kitab ini sangat diperlukan terutamanya oleh ahli hadis.
- Satu usaha yang gigih membuktikan bahawa pengarangnya menguasai secara mendalam tentang nama-nama sahabat berkenaan ilmu hadis.
- Penyusunan yang amat teliti dan kemas.
- Bahasa yang digunakan mudah difahami.

Penutup

Kepentingan mengenali sahabat menjadi kewajipan kepada pelajar-pelajar hadis untuk membezakan antara sahabat dan tabi`in kerana ia mengelakkannya dari tersilap dalam menentukan kedudukan hadis. Pelajar yang dapat mengenali sahabat tidak akan melakukan kesilapan dalam menentukan hadis *mawsul* dan hadis *mursal*. Dalam hal ini, al-Hakim menyebutkan: Sesiapa yang memahami dengan mendalam tentang sahabat adalah seorang hafiz yang sempurna hafalan kerana saya pernah melihat sekumpulan dari kalangan guru-guru kita meriwayatkan hadis *mursal* daripada tabi`i daripada Rasulullah s.a.w. dengan menyangkanya seorang sahabat. Adakalanya mereka meriwayatkan hadis *musnad* (hadis yang bersambung sanadnya) daripada sahabat yang disangkakan sebagai seorang tabi`i. Setelah kita melihat secara kasar tentang kitab ini dapatlah disimpulkan bahawa kitab ini boleh dianggap sebagai ensklopedia hadis dan *athar*. Demikian juga dapatlah dikatakan bahawa al-Imam al-Tabarani adalah seorang yang sangat luas pengetahuannya dan penguasaan ilmunya. Semoga dengan kertas kerja yang serba ringkas ini dapat memberi manfaat bersama.

Bibliografi

- (1990), *Syu`ab al-Iman*, Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Dhahabi, Al-Hafiz Syam al-Din Muhammad al- (1984), *Siyar A`lam al-Nubala`*, Beirut: Muassah al-Risalah.
- (t.t), *Tadhkirat al-Huffaz*, Beirut: Dar Ihya` Turath al-Arabi.
- Haji Khalifah, Mustafa bin `Abd Allah. *Kasyf al-Zunun`an Asami al-Kutub wa al-Funun*. Baghdad: Maktabat al-Muthanna.
- Hamawi, Yaqt al- (1956), *Mu`jam al-Buldan*.
- Ibn `Imad, Abi al-Falah `Abd al-Hayy (1351H), *Syadharat al-Dhahab fi Akhbar Man Dhahab*, Kaheerah: Maktabah al-Qudsi.
- Ibn al-Athir, `Ali bin Muhammad (1979), *al-Kamil fi Tarikh*, Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Khallikan, *Wafiat al-A`yan* j. 1, h. 57.
- Hamdiy Abd. Majid al-Salafi, (2002), *al-Mu`jam al-Kabir al-Tabarani*, Beirut: Cetakan Dar Ihya` al-Turath al-Arabi.
- Jawzi, Abu al-Farj Jamal al-Din `Abd al-Rahman Ibn al- (1412 H-1992 M), *al-Mumtazim fi Tarikh al-Umam wa al-Muluk*, Berut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyah.
- Subki, `Abd al-Wahhab bin Taqy al-Din al- (1385 H-1966 M), *al-Tabaqat al-Syafi`iyah*, Kaheerah: Matba`ah `Isa al-Babi al-Halabi wa Syirkah.
- Zirikli Khayr al-Din al- (1999), *al-`Alam kamus Tarajim*, c. 14, Beirut: Dar al-Alam li al-Malayin.
- Fauzi Deraman (2002), *Pengantar Usul al-Hadis*, Selangor: Penerbitan Salafi.